



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

MINGGU PKS 2017 SUNTIK SEMANGAT USAHAWAN MALAYSIA

6 Mei, Ipoh – SME Corp. Malaysia sekali lagi meneruskan penganjuran Minggu PKS pada tahun 2017 di mana sejumlah 307 aktiviti telah dirancang di 15 lokasi seluruh negara. Minggu PKS 2017 diharap dapat menyuntik semangat para usahawan untuk meningkatkan prestasi perniagaan mereka di dalam menghadapi ekonomi yang turun naik.

Bertemakan “Mula Berdikit, Azam Melangit”, Minggu PKS kali ini mensasarkan untuk menarik lebih ramai usahawan dan orang ramai menyertai dan mendapat manfaat daripada bantuan dan sokongan perniagaan serta khidmat nasihat berkaitan perniagaan bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan menjadi perusahaan yang berjaya. Minggu PKS mula dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2012, khusus untuk memberi pengiktirafan akan kepentingan PKS sebagai tunjang ekonomi negara. Diterajui oleh SME Corp. Malaysia, Minggu PKS diadakan secara serentak di seluruh negara di mana pelbagai Kementerian dan Agensi berkaitan akan menyelaraskan program dan aktiviti mereka berkaitan PKS sepanjang minggu tersebut bagi menyokong program ini.

Bagi Minggu PKS 2016 yang lepas, sebanyak 291 aktiviti telah dilaksanakan bermula daripada 23 Mei 2016 sehingga 3 Jun 2016 seluruh Malaysia. Melalui penganjuran karnival di tapak Minggu PKS pula, untuk tahun 2016 seramai 2,677 PKS telah terlibat sebagai pempamer manakala sejumlah 484,934 orang pengunjung telah memeriahkan karnival yang berlangsung di seluruh negara dengan rekod nilai jualan sebanyak RM8.36 juta. Selain itu, sesi pepadanan perniagaan juga turut diadakan dan sesi ini memperlihatkan peningkatan sebanyak 12% di dalam potensi jualan kepada RM72.8 juta berbanding 60.03 juta pada tahun 2015. Pada tahun ini pula,

sesi pepadanan perniagaan yang akan diadakan diharap dapat melibatkan lebih banyak PKS dan meningkatkan potensi jualan dengan adanya penyertaan daripada syarikat besar seperti LAZADA, Mydin, AEON, Tesco, Giant, Lulu dan Ramly.

Bagi Negeri Perak, penganjuran kali ini diadakan bersempena hari terbuka MITI Zon Utara 2017 di mana pelbagai aktiviti menarik seperti pameran dan jualan produk usahawan, *tea talk* bersama industri, program halal, pameran automotif, latihan pemasaran online bersama Google, sesi taklimat bantuan kewangan, sesi pepadanan perniagaan bersama MYDIN, Pasaraya Borong SAKAN dan Koperasi SKOMK Perak, acara pentas, pameran pusat transformasi bergerak, karnival foodtruck dan lain-lain lagi.

Majlis perasmian Minggu PKS 2017 peringkat Perak telah disempurnakan secara bersama oleh YB Dato' Seri Mustapa Mohamad, Menteri MITI dan YAB Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak diiringi oleh YBhg. Datuk (Dr.) Hafsah Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia pada hari ini. Tetamu kehormat yang hadir pada hari ini telah berpeluang untuk melawat tapak pameran Minggu PKS di Bulatan Amanjaya yang disertai oleh usahawan dengan pelbagai perkhidmatan dan produk. Karnival Minggu PKS 2017 peringkat Negeri Perak yang disertai oleh 60 pempamer akan berlangsung daripada 6 ke 7 Mei 2017 di Bulatan Amanjaya, Ipoh.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan En Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di talian 03 – 2775 6275 atau emel – muizyusof@smecorp.gov.my atau Encik Mohamad Rozlan bin Mohamad Razalli atau emel – rozlan@smecorp.gov.my

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)
Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>
e-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.